



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN PELAN TINDAKAN DASAR SOSIAL NEGARA  
2026 - 2030**

**LOKASI / TARIKH / MASA**

**DEWAN TUN HUSSEIN ONN, WTC | 7 MEI 2026 (KHAMIS) | 12.00  
TENGAH HARI**

*Kemas kini 5 Mei 2026*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

***Assalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh, Salam Sejahtera,***

***Salam Malaysia MADANI,***

**Terima kasih kepada Pengacara Majlis dan Pembaca Do**

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T. kerana hari ini dapat kita bersama-sama menyaksikan satu detik penting dalam sejarah pembangunan sosial negara melalui pelancaran **Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara (PTDSN) 2026–2030.**

2. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, kerana sudi hadir dan merasmikan majlis yang amat bermakna ini. Kehadiran YAB adalah penghormatan yang besar, dan ia mencerminkan betapa seriusnya kerajaan memandangkan agenda pembangunan sosial negara.

3. Saya juga merakamkan terima kasih kepada para hadirin—rakan-rakan kementerian dan agensi, pemimpin masyarakat sivil, rakan sektor swasta, serta semua yang telah hadir pada tengah hari ini. Kehadiran anda mencerminkan semangat serta keprihatinan yang tinggi terhadap usaha memajukan pembangunan sosial negara.

## **KPWKM MENJUNJUNG AGENDA SOSIAL NEGARA**

4. Pelan Tindakan DSN ini hadir pada waktu yang amat signifikan. Malaysia kini berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial yang semakin kompleks termasuk peningkatan populasi warga emas, tekanan sosioekonomi dan kesejahteraan mental. Fakta menunjukkan bahawa menjelang 2036, Malaysia dijangka menjadi negara menua (*ageing nation*), yang menuntut sistem sokongan sosial yang lebih kukuh, inklusif dan responsif.

5. Sebagai peneraju, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan terus memainkan peranan sebagai *caretaker* dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif di bawah Dasar Sosial Negara 2030. *However, as the saying goes, “it takes two to tango,” close relationships and cooperation among all parties are essential to ensure that every planned effort can be implemented effectively.*

Hadirin yang dimuliakan,

## **Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara (PTDSN) 2026 - 2030**

6. Selaras dengan itu, Pelan Tindakan DSN yang mempunyai 4 teras, 17 bidang keutamaan, 18 strategi dan 102 inisiatif ini digerakkan berteraskan pendekatan yang menyeluruh dan berpaksikan rakyat. Ia memberi penekanan kepada usaha memperkukuhkan institusi keluarga, meningkatkan kesejahteraan komuniti serta memperkasakan modal insan sepanjang hayat.

7. Fokus utama Pelan Tindakan DSN digerakkan melalui empat tumpuan strategik iaitu pencegahan, pemerkasaan, promosi dan perlindungan. Inisiatif pencegahan memberi penekanan kepada langkah awal untuk mengelakkan berlakunya masalah sosial, manakala inisiatif pemerkasaan pula bertujuan mengupayakan individu, keluarga dan komuniti agar lebih berdaya tahan serta berdikari.

8. Seterusnya, inisiatif promosi dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran dan penghayatan masyarakat terhadap nilai-nilai sosial yang positif, di samping inisiatif perlindungan yang memastikan golongan rentan sentiasa diberikan sokongan serta intervensi yang bersesuaian mengikut keperluan.

9. Lima mesej utama yang menggarap Pelan Tindakan DSN adalah:

- (i) Pertama, kesejahteraan individu dan keluarga — kerana keluarga yang kukuh adalah asas masyarakat yang sihat dan sejahtera;
- (ii) Kedua, kesaksamaan dan inklusiviti sosial — agar tiada seorang pun rakyat Malaysia yang tercicir atau terpinggir;

- (iii) Ketiga, pembangunan modal insan sepanjang hayat — kerana pembelajaran dan pertumbuhan tidak mengenal usia atau sempadan;
- (iv) Keempat, pengukuhan komuniti — membina masyarakat yang berdaya tahan, bersepadu dan saling menyokong antara satu sama lain;
- (v) Dan kelima, tadbir urus sosial bersepadu dan berkesan, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus dan memberi impak tinggi kepada rakyat.

10. Kelima-lima mesej utama ini bukan sahaja menjadi panduan, malah merupakan halatuju kita bersama ke arah masa depan sosial yang lebih adil, inklusif dan mampan.

Hadirin yang dimuliakan,

## **PENUTUP**

11. Jika kita menelusuri sejarah, pembangunan sesebuah negara tidak hanya diukur melalui pertumbuhan ekonomi semata-mata, tetapi juga melalui tahap kesejahteraan sosial rakyatnya. Oleh itu, pelaksanaan Pelan Tindakan DSN ini dengan pendekatan *Whole of Government and Whole of Society* adalah langkah strategik untuk memastikan pembangunan negara yang lebih seimbang dan mampan.

12. Akhir kata, marilah kita melangkah ke hadapan dengan tekad yang tidak pernah luntur dan iltizam yang tidak berbelah bahagi. Hakikatnya, kekuatan usaha ini terletak pada kesatuan hati, kebersamaan tindakan dan keikhlasan kita semua dalam merealisasikannya. Dengan semangat yang satu, suara yang satu dan matlamat yang satu, kita mampu mengangkat darjat kesejahteraan sosial negara ke tahap yang lebih tinggi.

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT  
7 Mei 2026**